

**Utusan Malaysia, Malaysia**

22 May 2014, by

Business & Finance, page 18 - 133.00 cm<sup>2</sup>Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 228,802  
(MTWTF)

ID 258444541

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 1

# MSM untung bersih RM56.3 juta

KUALA LUMPUR 21 Mei - Anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGVH), MSM Holdings Bhd. (MSM) mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM56.3 juta bagi tempoh suku pertama tahun ini yang berakhir 31 Mac 2014, peningkatan 117 peratus berbanding RM25.9

juta bagi suku sebelumnya.

M S M dalam kenyataan di sini menyatakan, berikut prestasi kewangan yang menggalakkan itu, ahli lem baga pengarah

telah mengisyiharkan pembayaran akhir dividen sebanyak 14 sen setiap saham berjumlah RM98.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Pembayaran itu bagaimanapun tertakluk kepada persetujuan para pemegang saham di dalam mesyuarat agung tahunan akan datang.

"Prestasi suku pertama tahun ini merupakan tahun permulaan yang manis untuk MSM bagi tahun kewangan 2014 dengan keuntungan yang berjaya diperbaiki," ujarnya.

Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Datuk Sheikh Awab Abod berkata, pihaknya berasa berbesar hati den-

gan pencapaian yang ditunjukkan, sejajar dengan sasaran dan jangkaan syarikat pada tahun ini.

"Prestasi ini dicapai sewaktu industri bertungkus lumus berikutan kebanjiran bekalan gula asing selain catuan air di Selangor yang turut memberi kesan terhadap operasi syarikat," jelasnya.

Tambah Sheikh Awab, pihaknya telah melaksanakan pengurusan kos optimum selain menghasilkan jumlah pengeluaran yang konsisten.

Jelasnya, MSM percaya bahawa keputusan kewangan bagi suku-suku akan datang berterusan baik sekiranya ukuran pelaksanaan sedia ada dikekalkan.

Bagi suku pertama tahun ini, hasil pengeluaran keseluruhan gula diproses adalah berjumlah 218,423 tan metrik. Jumlah itu telah disumbangkan menerusi jualan gula halus yang kekal baik di peringkat domestik dan antarabangsa.

**SHEIKH AWAB ABOD**